

HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Helaiian Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk RESIT AMANAH-I (TR-I) Maybank Islamic. Sila pastikan anda telah membaca terma dan syarat am dengan teliti).

Nama Produk:

RESIT AMANAH-I (TR-I)

Tarikh:

[Tarikh helaiian ini diberikan kepada pelanggan untuk diisi oleh Staf]

1. APAKAH PRODUK INI?

RESIT AMANAH-I (TR-I) ADALAH PEMBIAYAAN BELIAN/ IMPORT. TR-I MENYEDIAKAN PEMBIAYAAN KEPADA PEMBELI / PENGIMPORT UNTUK MENYELESAIKAN BELIAN / IMPORT BARANGAN SECARA USANS.

2. APAKAH KONTRAK SYARIAH YANG DIGUNAKAN?

- MURABAHAH

KONTRAK SHARIAH DIGUNAKAN ADALAH MURABAHAH UNTUK BELIAN (MPO) SEPERTI BERIKUT:

i. DALAM PEMBIAYAAN DI BAWAH MURABAHAH UNTUK BELIAN, BANK MELANTIK PELANGGAN SEBAGAI EJEN UNTUK MEMBELI ASET DARI PENJUAL / VENDOR BAGI PIHAK BANK PADA HARGA BELIAN BANK. PELANGGAN BERAKUJANJI UNTUK MEMBELI ASET TERSEBUT DARI BANK PADA HARGA JUALAN BANK IAITU PADA HARGA KOS TAMBAH MARGIN YANG DIPERSETUJUI.

ii. APABILA PENGHANTARAN ASET DIBUAT DARIPADA PENJUAL / VENDOR KEPADA PELANGGAN, BANK MENDAPAT PEMILIKAN BENEFISIAL KE ATAS ASET TERSEBUT.

iii. SETERUSNYA, BANK MENJUAL ASET TERSEBUT KEPADA PELANGGAN SECARA TANGGUH PADA HARGA JUALAN BANK; DAN MEMBUAT BAYARAN HARGA BELIAN KEPADA PENJUAL / VENDOR.

iv. PELANGGAN MEMBAYAR HARGA JUALAN BANK KEPADA BANK.

3. APAKAH YANG BOLEH SAYA PEROLEHI DARIPADA PRODUK INI?

RESIT AMANAH (TR-I)

• JUMLAH KEMUDAHAN	TERTAKLUK DI DALAM SURAT TAWARAN
• TEMPOH PEMBIAYAAN	SEHINGGA 6 BULAN
• MARGIN PEMBIAYAAN	SEHINGGA 100%
• KOS PEMBIAYAAN	BFR + SEBARAN
• BFR	BFR ADALAH SEPERTI PERATURAN SEMASA YANG TERTERA DI LAMAN SESAWANG MAYBANK2U
• KONSEP SHARIAH DIGUNAKAN	MURABAHAH UNTUK BELIAN (MPO)

4. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?

ANDA MESTI MENYELESAIKAN KOS JUALAN BANK SEPENUHNYA APABILA MATANG.

5. BERAPAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU DIBAYAR?

▪ DUTI SETEM	SEBAGAIMANA YANG TERCATAT DIDALAM AKTA SETEM 1949
▪ LAIN-LAIN YURAN DAN BAYARAN	SEMUA KOS DAN PERBELANJAAN SEPERTI YURAN GUAMAN DAN LAIN-LAIN CAJ YANG TERLIBAT DALAM PENYEDIAAN DOKUMEN, PENYEMPURNAAN DAN PENDAFTARAN DOKUMEN SEKURITI PIHAK BANK
▪ YURAN PENGENDALIAN	RM50 SETIAP TRANSAKSI
▪ CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN (SST)	CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN MALAYSIA (SST) AKAN DIKENAKAN KE ATAS SEMUA FI/CAJ YANG DIKENAKAN OLEH BANK KEPADA PELANGGAN MULAI 1 SEPTEMBER 2018 DAN PELANGGAN BERSETUJU UNTUK MEMBAYAR KEPADA BANK JUMLAH SST APABILA DIBERITAHU OLEH BANK.

6. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI OBLIGASI SAYA?

▪ CAJ PEMBAYARAN LEWAT	<p>A. PIHAK BANK MEMPUNYAI HAK UNTUK PAMPASAN ATAS BAYARAN LEWAT DAN/ATAU KEMUNGKIRAN BAYARAN, BERLANDASKAN MEKANISMA SEPERTI DI BAWAH:</p> <p>I. <u>BAYARAN TERTUNGGAK:</u></p> <p>SEKIRANYA ANDA GAGAL MEMBAYAR SEBARANG AMAUN TERTUNGGAK DARI TARIKH MATANG, CAJ LEWAT BAYAR AKAN DIKENAKAN SEBANYAK 1% SETAHUN AKAN DIKENAKAN KE ATAS AMAUN YANG TERTUNGGAK ATAU CARA LAIN YANG DILULUSKAN OELH BANK NEGARA MALAYSIA</p> <p>II. <u>APABILA MATANG PENGHAKIMAN (YANG MANA TERDAHULU)</u></p> <p>KADAR SEMASA SEMALAMAN HARIAN PASARAN WANG ANTARA BANK SECARA ISLAM (IIMM) AKAN DIKENAKAN DI ATAS KEGAGALAN MEMBAYAR BAKI TERTUNGGAK SELEPAS TEMPOH MATANG ATAU SEHINGGA PENGHAKIMAN, YANG MANA TERDAHULU ATAU MENGGUNAKAN KAEDAH LAIN YANG DILULUSKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA DARI MASA KE SEMASA.</p> <p>B. CAJ LEWAT BAYAR YANG DICAJ TIDAK DIKOMPANAKAN KEPADA BAKI KEMUDAHAN TERTUNGGAKAN.</p> <p>NOTA: TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIKENAKAN JIKA GAGAL MEMBERI RESPON KEPADA NOTIS PERINGATAN</p>
▪ HAK PENYELESAIAN	PIHAK BANK AKAN MEMBERI PERINGATAN KEPADA ANDA, GABUNG, MENYATUKAN ATAU MENGGABUNGAN SEMUA ATAU MANA-MANA AKAUN ANDA DENGAN, DAN LIABILITI PIHAK BANK DAN BOLEH MENAMATKAN ATAU MEMINDAHKAN APA-APA JUMLAH YANG BELUM DIJELASKAN KEPADA KREDIT MANA-MANA AKAUN SEDEMIKIAN DALAM ATAU TERHADAP KEPUASAN MANA-MANA LIABILITI ANDA KEPADA PIHAK BANK DI BAWAH KEMUDAHAN TERSEBUT

7. BAGAIMANA JIKA SAYA MENJELASKAN BAKI PEMBIAYAAN SEBELUM TEMPOH MATANG?

TEMPOH TERTUTUP UNTUK PENYELESAIAN AWAL	TIADA
YURAN PENALTI PENYELESAIAN AWAL	TIADA

8. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN SEBARANG INSURANS/ PERLINDUNGAN TAKAFUL?

TIADA

9. APAKAH RISIKO UTAMA?

JIKA ANDA GAGAL UNTUK MENJELASKAN KEMUDAHAN TR-I YANG MATANG, ANDA TIDAK AKAN DIBENARKAN UNTUK TERUS MENGGUNAKAN KEMUDAHAN DAN PROSES PEMUNGUTAN SEMULA TERMASUK TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA UNTUK MENDAPATKAN KEMBALI JUMLAH YANG HARUS DIBAYAR. JIKA ANDA MEMPUNYAI MASALAH MEMENUHI OBLIGASI PEMBIAYAAN ANDA, HUBUNGI KAMI DENGAN SEGERA UNTUK MEMBINCANGKAN ALTERNATIF PEMBAYARAN.

10. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT KEPADA BUTIR-BUTIR PERHUBUNGAN SAYA?

ADALAH PENTING BAGI ANDA UNTUK MEMAKLUMKAN KEPADA KAMI MENGENAI SEBARANG PERUBAHAN MAKLUMAT PERHUBUNGAN ANDA UNTUK MEMASTIKAN ANDA DAPAT DIHUBUNGI ATAU MENERIMA SURAT-MENYURAT TEPAT PADA MASANYA. UNTUK MENGEMASKINI BUTIR-BUTIR PERHUBUNGAN ANDA, SILA HUBUNGI KAMI DALAM SURAT MENYURAT ATAU HUBUNGI KAMI MELALUI SALAH SATU RANGKAIAN. CTH: M2U ATAU CAWANGAN MAYBANK.

11. DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN PEMBELAAN?

- I) JIKA ANDA MEMPUNYAI MASALAH DALAM MEMBUAT BAYARAN BALIK, ANDA PERLU MENGHUBUNGI KAMI SECEPAT MUNGKIN UNTUK BERBINCANG MENGENAI ALTERNATIF BAYARAN BALIK. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI DI:

CAWANGAN: _____
ALAMAT: _____
TEL/FAKS: _____ E-MEL: _____

- II) SEBAGAI ALTERNATIF, ANDA BOLEH MENDAPATKAN PERKHIDMATAN AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK), SEBUAH AGENSI YANG DITUBUHKAN OLEH BANK NEGARA MALAYSIA UNTUK MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERCUMA MENGENAI PENGURUSAN WANG, KAUNSELING KREDIT DAN PENSTRUKTURAN SEMULA HUTANG UNTUK INDIVIDU. ANDA BOLEH MENGHUBUNGI AKPK DI:

TINGKAT 8, MAJU JUNCTION MALL
1001, JALAN SULTAN ISMAIL
50250 KUALA LUMPUR
TEL: 1-800-22-2575 EMAIL: ENQUIRY@AKPK.ORG.MY

- III) JIKA ANDA TIDAK BERPUASHATI DENGAN CARA KAMI MENJAWAB PERTANYAAN ATAU ADUAN ANDA, ANDA BOLEH MENGHUBUNGI BANK NEGARA MALAYSIA LINK ATAU TELELINK DI:

BLOK D, BANK NEGARA MALAYSIA
JALAN DATO'ONN
50480 KUALA LUMPUR
TEL: 1-300-88-5465
FAX: 03-21741515 E-MEL: BNMTELELINK@BNM.GOV.MY

12. DI MANA BOLEH SAYA MENDAPTKAN MAKLUMAT SELANJUTNYA?

JIKA ANDA MEMPUNYAI SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI KAMI DI :

CAWANGAN :
ALAMAT :
TEL :
E-MEL:

13. PAKEJ PEMBIAYAAN LAIN YANG DISEDIAKAN:

TIADA



PENAFIAN TUNTUTAN

MAKLUMAT SERTA TERMA DAN SYARAT AM YANG DISEDIAKAN DALAM HELAIAN MAKLUMAT PRODUK INI ADALAH BAGI TUJUAN MEMBERI MAKLUMAT DAN TIDAK MENGIKAT PIHAK BANK. TERMA DAN SYARAT MUKTAMAD ADALAH SEPERTI YANG DITETAPKAN DALAM SURAT TAWARAN DAN PERJANJIAN KEMUDAHAN YANG TERTAKLUK KEPADA PENILAIAN KREDIT DAN KELULUSAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN INI.

NOTA PENTING:

PIHAK BANK BERHAK UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG JIKA ANDA GAGAL UNTUK MEMBUAT PEMBAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PERNIAGAAN ANDA.

MAKLUMAT YANG DISEDIAKAN DI DALAM HELAIAN INI SAH DARI SEPTEMBER 2017